

# **Prinsip Pengurusan Perancangan Dalam *Ranjau Sepanjang Jalan, Srengenge, Seluang Menodak Baung* – Karya Shahnnon Ahmad**

Oleh :

**Dr Fathin Noor Ain Binti Ramli**  
Tanjung Malim, Perak.

Email: [gennramli@gmail.com](mailto:gennramli@gmail.com)

## **Abstrak**

Objektf penelitian ini adalah mengenal pasti pengaplikasian prinsip perancangan di dalam tiga buah novel pilihan karya Sasterawan Negara, Shahnnon Ahmad iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan, Srengenge* dan *Seluang Menodak Baung*. Kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Prinsip pertama di dalam aspek pengurusan iaitu prinsip perancangan telah diaplikasikan sepenuhnya dalam melihat sudut pengurusan yang terdapat di dalam ketiga-tiga buah karya. Aspek-aspek perancangan yang bersesuaian bagi kajian teks sastera telah dijadikan panduan dalam mengenal pasti penerapan pengurusan dalam plot penceritaan. Hasil dapatan yang diperolehi mendapati bahawa prinsip pertama di dalam pengurusan, iaitu prinsip perancangan telah diaplikasikan di dalam ketiga-tiga buah novel pilihan sebermulaanya alur penceritaan yang dibina oleh pengarang. Perancangan jangka masa panjang dan perancangan jangka masa pendek memainkan peranan yang dominan bagi watak-watak janaan pengarang bagi menghadapi polemik dalam kehidupan mereka. Kesimpulannya, perancangan adalah merupakan langkah pertama dan asas terpenting dalam menguruskan setiap permasalahan atau isu dalam kehidupan sama ada di dalam karya ataupun dunia realiti. Perancangan juga dilihat sebagai langkah pertama yang akan membawa gerak kerja dan tindakan yang mampu mempengaruhi alur penceritaan yang ingin dihasilkan oleh seseorang pengarang kerana dilihat mampu mengangkat tema, persoalan, nilai dan pengajaran yang terdapat di dalam sesebuah karya. Kajian ini diharapkan mampu membuka mata akan kepentingan elemen pengurusan sebagai metod baru dalam meneliti karya-karya sastera dan menjadi ruang lingkup baharu oleh para sarjana dalam dunia kritikan sastera tanah air.

## **Abstract**

The objective of this study is to identify the application of planning in three novels by the National Sasterawan, Shahnnon Ahmad, *Ranjau Sepanjang Jalan, Srengenge* and *Seluang Menodak Baung*. This study is a qualitative study that uses library and text analysis methods. The first principle in management has been fully applied in analysing the application of management in the selected novels. The elements of planning for literary text studies have been used as a guideline in identifying management's application in novels. The results found that the first principle in management, planning, has been applied in all three novels at the beginning of the stories. Long-term planning and short-term planning play a dominant role in allowing generated characters to face polemics in their lives. In conclusion, planning is the

first and foremost step in managing every issue in life whether in a story written by the author or in the real world. Planning is also seen as a first step that will lead to action which can influence the storytelling by the author that they want to create as it can be capable of highlighting themes, questions, values and teachings found in a piece of work. This study is expected to open the eyes of scholars to the importance of management as a new method for analysing Malay literature and as a new scope for scholars in the world of literary criticism.

**Kata Kunci:** *Pengurusan; Perancangan; Organisasi; Matlamat dan Shahnnon Ahmad.*

## **Pengenalan**

Pengurusan merupakan aspek yang penting bagi sesebuah organisasi tidak kira ianya merupakan organisasi yang terbentuk bagi mencapai sesuatu objektif, misi ataupun visi mahupun juga organisasi sesebuah anggota masyarakat. Ianya penting bagi memastikan segala gerak kerja, pembentukan serta pelaksanaan sesebuah rancangan, struktur organisasi yang terbentuk adalah berada pada landasan sepatutnya sebagaimana yang diinginkan. Pengurusan juga dapat memastikan dan memperlihatkan susun atur sesuatu perkara atau tindakan yang dirancang dan dibentuk adalah secara tertib. Secara umumnya, pengurusan dapat dikatakan sebagai proses bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi bagi mencapai matlamat dengan cara yang berkesan dan cekap. Menurut Daft (1997), pengurusan dilakukan melalui proses perancangan, pengorganisasian, kepemimpinan dan pengawalan sumber-sumber organisasi. Dua elemen penting yang ditekankan dalam definisi ini ialah fungsi pengurusan yang mana mempunyai empat iaitu perancangan, pengorganisasian, kepemimpinan dan pengawalan manakala yang keduanya adalah matlamat organisasi dicapai mengikut cara yang berkesan dan cekap. Pelaksanaan sesebuah pengurusan adalah sinonimnya digambarkan kepada individu yang memainkan peranan yang penting iaitu pengurus. Namun begitu, secara keseluruhannya semua individu dalam sesebuah organisasi syarikat atau masyarakat itu memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan aspek pengurusan itu terlaksana sebagaimana yang diinginkan.

Perancangan menurut Certo (1997) yang dipetik dari Azzat Mohd Nasurdin, Intan Osman, Zainal Ariffin Ahmad (2006) adalah merupakan proses bagaimana sistem pengurusan organisasi boleh mencapai matlamatnya. Ini menjelaskan bahawa sesebuah organisasi itu merangka satu kerangka tindakan yang bakal diambil bagi membolehkan target yang ditetapkan oleh organisasi mereka tercapai sebagaimana yang diinginkan. Tujuan perancangan dibuat adalah bagi memastikan keselarasan tindakan yang bakal diambil oleh setiap ahli organisasi, mengelakkan pertindihan aktiviti dan pembaziran yang boleh merugikan organisasi di samping menetapkan objektif dan juga piawaian yang akan diguna pakai semasa proses pengawalan.

Pengorganisasian pula adalah segala tindakan bagi mencapai matlamat yang diagihkan kepada seluruh anggota organisasi mengikut peranan yang telah ditetapkan. Menurut Bartol dan Martin (1994) mendefinisikan pengorganisasian sebagai proses mengagihkan dan menyusun sumber manusia dan bukan manusia supaya pelan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dalam proses ini, setiap jabatan, bahagian dan individu memainkan peranan yang penting bagi menyumbang tenaga untuk gerak kerja yang telah dirangka dengan sebaiknya. Pengorganisasian yang dilaksanakan dengan baik akan dapat mewujudkan agihan kerja yang tidak bertindih, menimbulkan konflik, pembaziran dan penyalahgunaan sumber-sumber seperti bahan-bahan dan tenaga manusia. Selain itu, antara

asas-asas yang juga diambil kira ketika mengorganisasikan gerak kerja adalah pembahagian kerja, penjabatan struktur organisasi dan juga penyelarasan. Komunikasi yang berkesan dalam proses ini adalah perlu dititikberatkan agar gerak kerja yang bakal diambil adalah jelas dan tepat.

Seterusnya adalah prinsip ketiga iaitu prinsip kepimpinan. Pengurusan tidak dapat dijalankan dengan sebaiknya jika kepimpinan tidak ditekankan dalam usaha sesebuah organisasi mengejar hala tuju yang ditetapkan. Robbins and Coutler (2005) mentakrifkan kepimpinan sebagai proses yang mempengaruhi kumpulan kearah pencapaian matlamat. Sesebuah organisasi itu sudah tentu merupakan hasil dari gabungan sumber manusia yang mempunyai kepelbagaian sifat yang cukup dinamik. Bagi memastikan bahawa segala karenah, gelagat serta perlakuan ahli sesebuah organisasi itu boleh dikawal dengan sebaiknya, kepimpinan memainkan peranan yang sangat penting kerana amat diperlukan sepanjang tempoh sesebuah organisasi itu beroperasi. Kepimpinan seharusnya dilakukan secara berterusan dan mempunyai momentum yang begitu konsisten pada setiap masa bagi mengelakkan organisasi dari mempunyai struktur yang tidak sempurna, menghadapi perubahan sama ada perubahan dalaman ataupun luaran sesebuah organisasi terbabit serta bagi memberi semangat motivasi yang memberi inspirasi kepada setiap ahli.

Pengawalan pula merupakan fungsi atau peranan terakhir dalam bidang pengurusan. Menurut Certo (1997), pengawalan merupakan usaha yang sistematik untuk membandingkan prestasi dengan piawaian, pelan atau objektif yang telah ditetapkan sebelumnya untuk menentukan sama ada prestasi adalah konsisten dengan piawaian ataupun prestasi tersebut perlu diperbaiki. Ketika proses ini dijalankan, sesebuah organisasi dapat mengetahui dan menilai sama ada segala bentuk perancangan, pengorganisasian dan kepimpinan yang telah dilakukan adalah berkesan ataupun tidak. Pada ketika ini, jika sesebuah organisasi itu mempunyai aktiviti yang efektif dan berkesan, ianya boleh dikekalkan dan ditambah baik mengikut kesesuaian. Jika sebaliknya, langkah yang sepatutnya harus diambil bagi memperbetulkan kesalahan ataupun ketidakberkesanan aktiviti yang telah dijalankan sebelumnya. Kawalan juga amat diperlukan bagi mengendalikan ketidakpastian dan perubahan, meningkatkan kualiti, mengesan peluang yang ada bagi organisasi memanfaatkannya, mengendalikan sesuatu masalah serta mendesentralisasikan kuasa.

Secara dasarnya pengurusan sastera boleh dibahagikan kepada dua iaitu pengurusan yang berhubung kait dengan operasi sesebuah organisasi yang meletakkan sastera sebagai teras manakala yang keduanya adalah pengurusan yang terdapat dalam sesebuah teks sastera (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2014). Menurut Ismail Ahmad (1990) yang dipetik dari Sukatan Pelajaran STPM Baharu 922 Kesusasteraan Melayu Komunikatif (2014) menyatakan bahawa pengurusan sastera ialah mereka yang bertugas di sesebuah institusi untuk mengembangkan sastera, termasuk institusi penerbitan sastera juga adalah ejen. Beliau turut menyatakan bahawa kerja utama yang menjadi fokus adalah mengembang dan memajukan kesusasteraan melalui organisasi atau badan yang tertentu. Individu dan organisasi ini juga bertanggungjawab dalam memikir dan juga merancang bagi membina dan mengembangkan kesusasteraan, penulis dan karya.

Selain itu, pengurusan sastera juga dapat dilihat di dalam teks sastera. Pengenalan pendekatan pengurusan di dalam bidang kesusasteraan Melayu di tanah air oleh Profesor Mohammad Mokhtar Abu Hassan membuktikan bahawa disiplin ini amat bersesuaian dalam bidang kritikan sastera moden. Beliau telah membentangkan pendekatan baru ini sebagai salah satu metod baru dalam penelitian sastera ketika menghadiri Seminar Himpunan Ilmuwan Sasterawan Melayu (HISMA) pada tahun 2013 di Universiti Pendidikan Sultan Idris

melalui kertas kerjanya yang bertajuk “Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Dunia Kritikan” (Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan, 2017). Pendekatan ini telah mengenengahkan lima prinsip-prinsip asas pengurusan iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Penstafan Dan Prinsip Pengawalan. Kelima-lima prinsip ini diterapkan bagi menganalisis struktur teks sesebuah karya meliputi watak, perwatakan, nilai, isu, persoalan, latar dan juga pemikiran yang dibawa oleh pengarang di dalam karya mereka.

Ketika membentangkan metod pendekatan moden ini, Mohammad Mokhtar Abu Hassan telah mengambil beberapa cerita sastera rakyat iaitu Sang Kancil dan Buaya, Lebai Malang serta Di Sebalik Tirai Makna sebagai batasan kajian untuk mengaplikasikan pendekatan yang diperkenalkan. Berdasarkan dapatan dan analisis yang dijalankan oleh beliau, kelima-lima prinsip yang terdapat dalam pengurusan sastera sememangnya sangat bersesuaian bagi meneliti teks-teks sastera. Mengaplikasikan disiplin pengurusan dalam bidang sastera di tanah air dilihat mampu memberikan kesan positif apabila satu pemikiran aliran baru dapat memberikan kelainan dan memeriahkan lagi penelitian terhadap karya-karya sastera pada masa yang akan datang. Walaupun medium sastera bersilih ganti, iaitu bermula daripada tradisi lisan kepada tradisi tulisan dan kini kepada medium alternatif, namun aspek pengurusan seharusnya tidak terpinggir dan perlu diberi perhatian dan diberikan keutamaan (Mohamad Zubir Ismail, Sara Beden, Mohamad Mokhtar Hassan, 2015).

Kesinambungan daripada pengenalan pendekatan pengurusan dalam bidang Kesusasteraan Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal semula Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif dengan mengemaskini tajuk, kandungan dan kemahiran agar selari dengan perkembangan semasa. Sukatan yang baharu ini bertujuan mendedahkan kepada calon diperingkat pra universiti berkaitan dengan penghayatan karya; sastera dan pembangunan; kreativiti, pengurusan dan multimedia disamping memberi penekanan bagi meningkatkan kemahiran menulis, mencari dan menganalisis maklumat, menyelesaikan masalah dan komunikasi secara berkesan.

Kandungan sukatan pelajaran baharu ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu penghayatan karya, sastera dan pembangunan serta kreativiti, pengurusan dan multimedia. Pada penggal ketiga, calon akan mempelajari prinsip asas pengurusan (perancangan, pengorganisasian, tenaga kerja ataupun *staffing*, kepimpinan dan kawalan) di mana pada akhir sesi pembelajaran calon dapat menjelaskan maksud dan konsep asas pengurusan dan menghuraikan prinsip asas pengurusan organisasi. Seterusnya calon harus menerapkan prinsip asas pengurusan ini ke dalam teks dengan mengenalpasti unsur pengurusan daripada teks kajian serta menganalisis asas pengurusan dalam organisasi yang wujud dalam teks kajian. Organisasi sastera pula mendedahkan calon kepada aspek perancangan kerja dalam organisasi sastera dan menghuraikan aspek pengurusan projek seperti seminar, kursus, pertandingan serta pementasan. Ini jelas membuktikan bahawa kepentingan bagi memberikan penekanan kepada aspek pengurusan sastera itu sendiri harus dipupuk sejak generasi muda lagi supaya bidang Kesusasteraan Melayu dapat dilestarikan melewati arus pemodenan semasa dengan bermula dari lapisan awal insitituti pendidikan iaitu di sekolah.

### **Prinsip Perancangan Dalam Pengurusan**

Prinsip perancangan adalah merupakan prinsip asas pertama dalam bidang pengurusan yang merupakan langkah pertama seseorang individu atau organisasi untuk mula menerapkan elemen penurusan dalam segala tindakan dan langkah yang ingin diambil bagi menangani masalah atau mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Pengurusan merupakan proses di

mana seseorang individu sama ada beliau adalah seorang pengurus atau tidak untuk menetapkan matlamat yang ingin dicapai dan seterusnya beliau akan menentukan tindakan yang dianggap paling sesuai untuk diambil oleh semua pihak atau peringkat yang terlibat. Selain itu, perancangan juga adalah proses untuk menentukan visi misi dan matlamat dalam membentuk tindakan yang diambil untuk mencapai matlamat tersebut. Perancangan juga adalah merupakan aktiviti yang berorientasikan masa depan yang mana segala kehendak yang ingin diperolehi pada masa hadapan dengan mula melaksankannya pada masa sekarang.

Terdapat beberapa jenis perancang iaitu Perancangan Jangka Masa Panjang (Strategik), Perancangan Jangka Masa Pendek (taktikal) dan Perancangan Jangka Pendek (Operasian). Penerangan secara terperinci diringkaskan melalui jadual dibawah;

Jadual 1: Jenis-jenis Perancangan

Jenis-Jenis Perancangan	Huraian
Perancangan Jangka Panjang (Strategik)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan jangka panjang adalah satu rancangan umum yang komprehensif dan meliputi keseluruhan organisasi yang merangkumi penentuan visi, misi dan objektif/matlamat sesebuah organisasi.</li> <li>• Melibatkan proses pembuatan keputusan berkenaan matlamat jangka panjang organisasi yang mengambil masa melebihi tiga tahun tetapi tidak lebih dari lima tahun.</li> <li>• Perancangan ini dilakukan oleh pengurusan peringkat atasan kerana perancangan ini melibatkan risiko yang tinggi dan memerlukan kemahiran konseptual yang tinggi.</li> <li>• Rancangan Malaysia yang digubal oleh kerajaan pada setiap 5 tahun adalah merupakan contoh rancangan jangka masa panjang.</li> <li>• Rancangan jangka masa sederhana dan jangka masa pendek turut membantu dan mendokong perancangan jangka masa panjang dan akan bergerak selari ke arah perancangan jangka masa panjang.</li> </ul>
Perancangan Jangka Sederhana (Taktikal)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan jangka sederhana adalah perancangan yang direka bagi melaksanakan perancangan strategik. Ia merupakan satu pelan operasi yang spesifik yang memperincikan bagaimana, bila dan di mana sesuatu strategi itu akan dilaksanakan</li> <li>• Perancangan jangka sederhana dijalankan mengikut strategi yang dibentuk, diterjemahkan daripada perancangan jangka panjang oleh pengurus peringkat pertengahan.</li> <li>• Tempoh perancangan jangka sederhana lebih singkat berbanding perancangan jangka panjang iaitu antara satu hingga tiga tahun.</li> </ul>

---

Perancangan Jangka Pendek (Operasian)

- Ia juga dikenali sebagai rancangan fungsian yang meliputi perancangan sesuatu jabatan seperti perancangan pemasaran, perancangan kewangan, perancangan sumber manusia dll.
  - Pengurus bawahan bertanggungjawab menyediakan perancangan operasian (jangka pendek) iaitu perancangan perincian dari perancangan tektikal dengan memiliki kemahiran teknikal. Perancangan yang dibuat perlu selaras dengan perancangan yang dibuat oleh pengurus peringkat atasan dan pertengahan. Disediakan dengan tujuan untuk mengawal operasi harian.
  - Penetapan objektif dalam rancangan jangka masa pendek adalah khusus dan harus dipastikan agar mampu mencapai rancangan jangka masa panjang.
  - Jangka masa paling pendek iaitu kurang daripada satu tahun dan memberi penekanan kepada tugas-tugas rutin serta dilakukan secara berulang-ulang contohnya kerja harian, mingguan, bulanan.
  - Perancangan ini biasanya adalah berkaitan aktiviti pengeluaran.
- 

Ketiga-tiga jenis perancangan ini memainkan peranan yang penting dalam aspek perancangan kerana melalui ketiga-tiga jenis perancangan ini, penetapan objektif yang jelas dan tepat dapat dirangka dalam memastikan segala matlamat dicapai dengan baik. Manakala bagi Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul (2003) pula meringkaskan jenis rancangan dalam organisasi melalui jadual berikut;

Jadual 2: Ringkasan Jenis Rancangan Dalam Organisasi

Jenis Rancangan	Strategik	Operasi
Jangka Masa	Panjang	Pendek
Pengkhususan	Umum	Khusus
Kekerapan Penggunaan	Satu Kegunaan	Sedia Ada.

### Permasalahan Kajian

Setiap individu atau anggota dalam masyarakat boleh dikatakan adalah pengurus kerana pada hakikatnya setiap hari mereka sudah menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pengurus yakni apabila mereka menguruskan kehidupan masing-masing, keluarga dan juga orang di sekeliling mereka. Ini merangkumi pelbagai aspek seperti aspek kewangan, masa dan rumah tangga. Secara tidak langung kita mendapati bahawa kita sebenarnya telah menerapkan asas-asas pengurusan iaitu merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal. Sebagai contohnya, pada setiap pagi seawalnya kita bangun dari tidur pada setiap hari, kita telah pun

menguruskan kehidupan kita sendiri dengan memikirkan apakah perancangan aktiviti yang bakal dilakukan pada hari tersebut. Berdasarkan perancangan tersebut, kita cuba mengatur masa dengan sebaiknya dan memikirkan cara bagaimanakah memastikan ia terlaksana. Pada akhirnya sudah tentu kita akan meneliti dan melakukan kawalan agar sebarang masalah yang telah terjadi dapat dielakkan dan tidak berulang pada masa akan datang. Jika setiap hari kita melatih diri menguruskan kehidupan dengan sebaiknya dan teratur, secara tidak langsung amalan ini dapat memupuk dan membentuk diri menjadi seorang individu yang mempunyai jati diri dan berdisiplin. Tidakkah ini boleh dikatakan juga sebagai langkah dalam usaha membentuk identiti individu bahkan masyarakat serta bangsa itu sendiri?

Sastera boleh dikatakan adalah cerminan kepada realiti kehidupan yang sebenar kepada sesebuah masyarakat. Ianya sungguh rapat dan amat sinonim bagi menceritakan perihal sama ada yang telah berlaku, belum berlaku tetapi pengarang merasakan ianya akan berlaku ataupun kemungkinan juga hanyalah merupakan satu imaginasi idea pengarang sahaja. Contohnya, novel *Ranjau Sepanjang Jalan* merupakan cerminan kehidupan dan kejadian sebenar yang terjadi dalam sesebuah masyarakat. Pengarang telah memperlihatkan kepada pembaca penderitaan yang dihadapi oleh masyarakat tani apabila terpaksa membanting tulang empat kerat mereka bagi mencari rezeki. Identiti sesebuah masyarakat dan bangsa itu sendiri jelas terpapar kepada para pembaca dan secara tidak langsung walaupun pada hakikatnya pembaca yang membaca novel tersebut adalah bukan dari latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut mahupun dari latar masa atau zaman yang sama, pembaca masih boleh mampu menyelami dan merasai sendiri jalan cerita yang hidup dan boleh merasakan bahawa mereka juga adalah sebahagian daripada jalan cerita yang digarap oleh pengarang.

Sesebuah karya sastera yang dihasilkan juga memaparkan pergolakan, permasalahan atau kemelut yang membelenggu seseorang individu atau kelompok masyarakat. Hamparan kisah-kisah realiti yang berlaku di sekeliling pengarang menyebabkan pengarang menjadikan kisah-kisah tersebut sebagai idea mereka yang dilakarkan melalui corak penceritaan mengikut kreativiti masing-masing. Hal ini tidak terkecuali bagi Sasterawan Negara seperti Shahnnon Ahmad apabila banyak menjadikan kisah-kisah masyarakat yang berlaku disekitar beliau sebagai permasalahan yang diangkat menjadi sebuah karya sebagai santapan kepada para pembaca. Shahnnon Ahmad (1991) bersetuju meletakkan bahawa novel ini adalah satu 'seismograf' yang mana adalah hasil dari penganalisisan terhadap realiti masyarakat yang sebenar dan bukannya yang direka semata-mata. Isu kemiskinan dan kepercayaan yang melatari masyarakat sekitar zaman 70an dan 80an telah menjadi isu dikalangan pengarang pada ketika itu dan ini adalah tidak terkecuali bagi Shahnnon Ahmad kerana selaku masyarakat yang sedang menerima dan mengalami proses pembangunan, terdapat permasalahan dan konflik kehidupan yang menarik dan wajar diketengahkan.



Kesungguhan individu dan kelompok masyarakat dalam menangani segala permasalahan dalam kehidupan telah membawa kepada perubahan dalam hidup mereka. Bagi menghadapi dan menangani konflik ini, mereka sudah pasti akan cuba merangka satu tindakan untuk di ambil dalam membendung atau menangani masalah tersebut. Segala tindakan ini dimulai dengan merancang dan secara tidak sedar sebenarnya prinsip perancangan telah diaplikasikan oleh seseorang individu atau organisasi terbabit. Oleh itu, kajian ini adalah bagi melihat pengaplikasian disiplin pengurusan iaitu prinsip perancangan yang terdapat dalam alur penceritaan teks-teks pilihan dan sejauh manakah impak prinsip ini dalam mempengaruhi penceritaan garapan pengarang.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks kandungan. Kaedah ini akan mengumpul dan menganalisis data isi kandungan teks tiga buah novel karya Shanon Ahmad iaitu Ranjau Sepanjang Jalan (Cetakan ketiga pada tahun 1971 oleh Penerbitan Utusan Melayu Berhad), Srengenge (Cetakan 2016 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka) dan Seluang Menodak Baung (terbitan Pertama tahun 1978 oleh Heinemann Educational Books (Asia) Ltd). Bagi menjalankan kajian ini, prinsip asas pengurusan yang pertama iaitu prinsip perancangan akan digunakan sebagai landasan untuk meneliti elemen pengurusan yang diterapkan dalam olahan cerita oleh pengarang di dalam ketiga-tiga buah novel yang telah dipilih. Jenis-jenis perancangan iaitu Perancangan Jangka Masa Panjang, Perancangan Jangka Masa Sederhana dan Perancangan Jangka Masa Pendek di dalam prinsip perancangan telah difokuskan kerana dilihat bersesuaian dengan analisis teks serta plot penceritaan pengarang dalam karya sastera.


Kaedah Kepustakaan telah dipilih untuk menjalankan kajian ini bagi mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan bagi menjalankan kajian yang bertujuan mencari bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku penulisan akademik yang berkaitan dengan bidang pengurusan, pengurusan sastera dan karya-karya Shanon Ahmad. Bahan-bahan ilmiah yang diperolehi kemudiannya akan diguna pakai dalam membantu penulisan dan kajian yang dilakukan. Bahan-bahan seperti hasil-hasil kajian dari dalam atau luar negara, tesis, jurnal, kertas kerja yang dibentang di seminar atau persidangan pula turut berkaitan bidang pengurusan, pengurusan sastera dan Shanon Ahmad juga dibaca dan diteliti bagi menyumbang kefahaman dan membantu pengukuhan kepada penulisan kajian dan analisis data. Selain itu, carian di laman-laman web juga dimanfaatkan sepenuhnya dalam mengumpul bahan-bahan yang dilihat mampu membantu kajian yang dijalankan ini. Sudut maklumat yang diutamakan dalam pencarian bahan-bahan ini adalah dari sudut pengurusan dan juga sudut sastera.

Seterusnya, dalam menganalisis ketiga-tiga buah novel yang telah dipilih pula iaitu Ranjau Sa-panjang Jalan adalah cetakan ketika tahun 1971 oleh Penerbitan Utusan Melayu Berhad. Bagi novel Srengenge pula, kajian ini telah menggunakan novel cetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka pada tahun 2016 iaitu merupakan cetakan keenam. Seterusnya bagi novel ketiga pula iaitu Seluang Mendak Baung adalah terbitan oleh Heinemann Educational Books Ltd, London yang dicetak pada tahun 1978. Ketiga-tiga novel ini dipilih adalah kerana kekuatan jalan penceritaan yang telah ditonjolkan oleh pengarang dengan mengangkat tema kemiskinan di samping jalan penceritaan yang memberikan kesan realistik tentang kehidupan latar belakang masyarakat ketika novel tersebut dihasilkan sebagaimana yang ingin disampaikan oleh Shanon Ahmad kepada pembaca.



Gambar rajah 1.: Novel- novel Pilihan Karya Shahnnon Ahmad

Bagi proses menganalisis data pula, ketiga-tiga buah novel pilihan dalam kajian ini iaitu RSJ, Srengenge dan SMB akan dibaca secara keseluruhan dan mendalam untuk memahami jalan penceritaan oleh pengarang. Aspek yang diberikan tumpuan adalah plot penceritaan, tema, persoalan, watak, perwatakan, latar, nilai, pengajaran dan gaya bahasa. Proses bacaan dilakukan berulang kali bagi memastikan pemahaman terhadap aspek tumpuan dapat difahami sebaiknya. Secara asasnya, pembacaan dilakukan sebanyak dua kali yang mana proses bacaan pertama adalah bertujuan memahami jalan cerita garapan pengarang serta aspek-aspek yang difokuskan manakala proses bacaan yang kedua pula dilakukan untuk menanda data yang berkaitan dengan objektif kajian. Secara ringkasnya, prosedur menganalisis data digambarkan melalui rajah berikut;




Rajah 1: Prosedur Menganalisis Data


Proses menganalisis data bagi kajian adalah berdasarkan prinsip pengurusan yang pertama iaitu prinsip perancangan. Aspek-aspek yang diberi penekanan di dalam prinsip pengurusan akan dijadikan sebagai panduan dalam meneliti aspek-aspek perancangan yang telah diterapkan oleh watak-watak di dalam menjalani kehidupan seharian mereka dalam menangani konflik-konflik yang cuba diketengahkan oleh pengarang.

### Analisis Data


Berdasarkan pembacaan yang telah dilakukan terhadap ketiga tiga buah novel pilihan dalam penelitian ini, prinsip perancangan telah diaplikasikan oleh watak-watak yang telah dibina oleh Shahnnon Ahmad bersesuaian dengan alur penceritaan yang digarap oleh pengarang. Prinsip perancangan menjadi asas kepada watak terutamanya watak utama dalam menangani sebarang konflik atau permasalahan yang ingin ditonjolkan oleh pengarang. Berikut adalah merupakan kedudukan prinsip perancangan yang telah dikenal pasti diaplikasikan di dalam novel berdasarkan alur penceritaan yang dibina;



Rajah 2: Prinsip Perancangan yang Dikesan dalam Novel RSJ



Rajah 3: Prinsip Perancangan yang Dikesan dalam Novel Srengenge



Rajah 4: Prinsip Perancangan yang Dikesan dalam Novel SMB

Berdasarkan Rajah 2, 3 dan 4, penelitian yang dijalankan telah mendapati bahawa prinsip perancangan yang telah diterapkan oleh ketiga-tiga buah novel pilihan telah dikesan sebermulaanya di plot permulaan. Prinsip perancangan ini adalah merupakan langkah pertama yang diambil oleh watak yang ditonjolkan oleh pengarang dalam menghadapi konflik yang dibina oleh pengarang. Novel Ranjau Sepanjang Jalan telah memaparkan keperitan dan kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat keluarga petani. Setiap pembaca akan dapat merasai dan menghayati setiap permasalahan yang berlaku oleh setiap keluarga di dalam novel RSJ dalam menghadapi kepayahan demi melangsungkan kehidupan. Selain itu juga, novel ini dilihat mengengahkan erti kasih sayang, kekuatan, kegigihan, ketabahan, serta perjuangan terutamanya bagi keluarga masyarakat tani di kampung. Kisah-kisah akan keperitan kehidupan sebegini telah dilihat menjadi sebatik dalam diri Shahnnon Ahmad dalam menghasilkan karya-karya beliau.

Situasi kemiskinan yang dihadapi penduduk kampung telah menonjolkan konsep kesederhanaan dalam kehidupan, ketakwaan kepada Allah SWT, kesabaran, keikhlasan dan juga kejujuran di dalam kalangan penduduk di kampung dalam menghadapi kepayahan kehidupan. Novel RSJ dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad dengan plot penceritaan yang sangat kreatif dan amat menyentuh hati para pembaca. Hal ini sehinggakan telah memberi tamparan kepada pembaca akan kesusahan petani-petani di desa pada ketika itu yang berjuang mencari rezeki dengan mengusahakan tanah padi yang dimiliki. Plot yang dibina secara kritis dan kreatif ini telah menggambarkan kebijaksanaan seorang pengarang yang hebat seperti Shahnnon Ahmad dalam menggambarkan kepada para pembaca akan kepayahan sebenar penduduk kampung di seluruh negeri di tanah air pada Ketika tahun 1970an. Pada ketika itu negara Malaysia sedang berada di fasa ingin membangun dengan beberapa dasar kerajaan yang baru diperkenalkan dalam memperkukuhkan ekonomi, sosial dan politik tanah air.

Prinsip perancangan telah dikesan bermula apabila keluarga Lahuma dan isterinya iaitu Jeha serta tujuh orang anak perempuan mereka iaitu Sanah, Milah, Jenab, Semek, Iah, Lebar dan Kiah berjuang untuk menguruskan sawah mereka yang berkeluasan 14 relung sebagai sumber utama bagi menampung kehidupan keluarga mereka. Hasil padi merupakan

hasil utama keluarga mereka dan mereka harus memastikan bahawa hasil tanaman padi yang dimiliki tidak boleh berkurang. Tanaman padi adalah menjadi sumber utama dan tidak boleh berkurang walaupun hanya semusim. Oleh itu, mereka mencuba sedaya upaya berusaha untuk memastikan tanaman yang diusahakan menjadi dan hasil yang dituai adalah memuaskan. Kegigihan akan perjuangan Lahuma sebagai ketua keluarga dalam menyara keluarga sangat memberikan impak yang besar kepada keluarganya. Ketika diawal permulaan novel, Lahuma merancang untuk menanam padi terhadap tanah sawah yang dimiliki. Namun begitu, Lahuma dalam dilema apabila harus mempertimbangkan masalah tanaman padi yang diserang dengan ketam. Serangan ketam-ketam telah memusnahkan hampir keseluruhan tanaman padi bukan sahaja terhadap tanaman Lahuma tetapi juga terhadap tanaman penduduk-penduduk kampung yang lain.

Prinsip perancangan yang diterdapat di dalam novel RSJ adalah merupakan perancangan jangka masa pendek di mana perancangan tersebut adalah merupakan perancangan yang mengambil masa kurang daripada setahun. Sebagaimana yang diketahui tanaman padi adalah tanaman yang bermusim dan mengambil masa dalam masa beberapa bulan sahaja dalam tempoh setahun. Seseorang yang merancang rancangan jangka masa pendek haruslah memberikan perincian yakni terhadap tektikal dengan memiliki kemahiran teknikal. Hal ini penting bagi memastikan segala perancangan tersebut dapat dikawal dalam segala tindakan yang diambil seharian. Segala perancangan jangka masa pendek juga dilihat mampu membantu kepada pemcapai matlamat jangka masa yang panjang yang mungkin dimiliki atau tidak dimiliki dalam setiap plot penceritaan yang ditonjolkan oleh pengarang. Segala rancangan yang ditetapkan juga hanya menfokuskan untuk aktiviti-aktiviti yang bakal diambil untuk tempoh sehari-harian, mingguan dan juga bulanan. Segala perancangan yang dikesan terdapat dalam novel RSJ telah memenuhi ciri-ciri rancangan jangka masa pendek berdasarkan plot penceritaan oleh Shahnnon Ahmad bersesuaian dengan plot penceritaan yang memaparkan konflik yang dihadapi penduduk Kampung Derdap untuk mengusahakan tanaman padi yang merupakan tanaman bermusim.

Walaupun dilihat perancangan yang diterapkan di dalam novel RSJ adalah sangat minimal, namun ia dilihat memberikan kesan atau impak yang besar terhadap penduduk kampung serta jalan penceritaan kerana tanaman padi adalah merupakan rutin utama bagi penduduk kampung pada ketika itu dan merupakan punca pendapatan utama bagi penduduk menyara kehidupan mereka sehari-harian. Berikut adalah merupakan perancangan yang dikesan berserta kutipan daripada novel;

Jadual 3: Penerapan Prinsip Perancangan Di Dalam Novel Ranjau Sepanjang Jalan

Jenis Perancangan	Kutipan	Muka Surat
Perancangan Jangka Masa Pendek	“Hidup perlu makan,” fikir Jeha sambal beras dalam buyong di-ambil dengan ot sigaret. Hidup mesti makan. Dan makanan sejak datok nenek dulu lagi chuma satu: nasi. “Tahun ini benchana tidak ada,” fikir Jeha lagi berulang2. “Aku akan turun ka-sawah bila petak empat di-mulakan. “ aku akan turun ka-sawah bila peta empat di-mulakan. Aku tidak akan naik2 lagi sa-lagi semua petak belum selesai. Aku akan menchabut semai di-belukar bila chukup umor. Aku akan junjong ikatan2 semai itu ka-baroh.	RSJms51

---

		Aku akan menanam semai2 itu baris demi baris. Aku akan sulam mana2 batang padi yang tumbang. Aku akan chabut rumput yang berlomba2 naik dengan padi. Aku akan mengejar tiak bila padi menguning. Aku akan mengetam dan mengemalkan padi itu.....Dan nAsi itu kan ku makan bersama Lahuma, bersama Sanah, bersama Milah, bersama Jenab, bersama Semek, bersama Liah, bersama Lebar, bersama Kiah.”	
Perancangan Masa Pendek	Jangka	“Kita kena minta tolong Tok Penhulu.” Ujar-nya lagi. Jeha mengurut lagi kaki laki-nya. Dia membisu. Tok Penghulu akan Tarek muka tiga belas. “Aku akan tajak sampai habis.” Balas Jeha dengan berani.	RSJms76
Perancangan Masa Pendek	Jangka	“Kau turun-lah ka-sawah besok pagi. Bawa Sanah, Milah dan Jenab. Bia raku di-rumah bersama anak2 yang lain. Bendang kita mesti tanam juga tahun itu mengikut musim.”	RSJms77
Perancangan Masa Pendek	Jangka	Tok Penghulu tidak akan member tractor itu,.....dia akan memberi makan kepada anak2-nya kalua laki-nya pendek usia. Dia sendiri akan berkeras lengan. Gigi-nya di-kanching erat2 bagaikan menerong dan rumput bulu landak itu hendak di-mamah hingga lumat dengan gigi-nya atas bawah.	RSJms79
Perancangan Masa Pendek	Jangka	.....Lahuma sendiri sedar akan pengakuan-nya. Lahuma sendiri sedar tentang pengkuan itu. Jehan akan mempertahankan segala2nya ka-bendang. Jeha menganggok lagi bagaikan anggokan itu benar2 dapat menjalinkan sa-buah cherita. Semai itu akan di-rendam dalam petak agar akar2nya hidupan dan kembang sedikit sbelum di-tanam. Jeha sendiri akan menanamkan-nya.	RSJms84
Perancangan Masa Pendek	Jangka	.....Jeha sendiri yang akan ka-hutan menchari tiang dan gelegar dangau itu. Jeha merenungi muka lakinya. Kalua dulu Lahuma akan menchari tiang nibong untok membuat dangau	RSJms85

---

---

itu. Dua tahun dulu tiang nibong-lah yang di-ambil oleh Lahuma.....

Perancangan Jangka Masa Pendek      Jaha tidak dapat melupakan. Kini kerja2 itu telah ter-serah-lah kepada tangan-nya. Tahun depan ini juga bendang empat belas relong itu akan dikerjakan-nya mulai dari menebas bekas semai hingga padi menjadi nasi dan di-suap masuk perut melalui rengkong2 yang basah. Jaha mengukuhkan tekad-nya bila terkenang kepada jasa Lahuma setakat ini.      RSJms101

Perancangan Jangka Masa Pendek      “Kita potong saja padi kita malam ini”.Bisek Sanah sambal menunjukkan ka-arah sawah. Orang kampung semua telah turun mengerat waktu malam hari.”  
“Kalau di-biar, padi2 kita akan habis di-borong tiak.”  
Jenab dan Semek menggonyoh2kan kedua belah mata dengan tapak tangan.  
“Kita kerat saja pokok2 itu dengan pisau chekok.”Sambong Sanah lagi.  
“Kita kerat dengan perdu sa-kali. Besok lusa boleh diangkut.”      RSJms178

---

Berdasarkan kutipan-kutipan di dalam Jadual 3, segala penerapan prinsip perancangan di dalam novel ini adalah merujuk kepada cara bagaimanakah mereka untuk memastikan tanah padi mereka membuahkan hasil dan bebas dari ancaman binatang dan serangga. Begitulah telitinya pengarang dalam mengangkat tema bagi novel RSJ dan dalam usahakan memastikan bahawa nilai dan pengajaran yang ingin disampaikan dapat diterima oleh para pembaca dengan sebaiknya. Selaku novel yang menceritakan pahit getir masyarakat terdahulu dalam menyara kehidupan, novel ini telah menyedarkan bahawa betapa pentingnya akan perancangan yang sebaiknya dalam memastikan segala usaha membuahkan hasil dengan kekangan daripada sumber teknologi yang terhad pada sekitar tahun 70an.

Seterusnya pula adalah hasil analisis bagi novel yang kedua iaitu novel Srengenge yang telah diterbitkan oleh Shahnnon Ahmad pada tahun 1973. Berinspirasi kisah daripada sebuah kampung di daerah Sik, Kedah yang mempunyai aktiviti ekonomi bercucuk tanam padi dan aktiviti sosial tradisi telah memberikan cetusan ilham buat Shahnnon Ahmad ‘menyalin’ kembali pemerhatian beliau ke dalam sebuah karya sastera dalam bentuk penulisan novel. Menurut Shahnnon Ahmad, perkataan Srengenge adalah berasal daripada perkataan Jawa Kuno yang bererti matahari namun bagi novel ini Srengenge adalah merupakan nama bagi bukit di sebuah kampung. Kewujudan sebenar bukit ini dapat dilihat oleh masyarakat di Sik, Kedah. Penduduk kampung telah memanggil bukit tersebut sebagai Bukit Enggang. Berlatarbelakangkan latar masyarakat pada tahun 1973 yang masih menebal dalam kepercayaan animisme sebenarnya telah mencetuskan polemik dalam komuniti masyarakat pada ketika itu apabila melibatkan unsur-unsur kepercayaan yang tidak sepatutnya. Shahnnon Ahmad telah berjaya mengengahkan persoalan ini dengan baik ke dalam novel Srengenge.

Budaya masyarakat kampung pada ketika itu telah mempengaruhi usaha mereka dalam meningkatkan mutu kehidupan melalui aktiviti pertanian. Kepercayaan animisme adalah sebuah kepercayaan yang sangat menebal ketika zaman 70an di dalam komuniti masyarakat Melayu kerana pantang larang dan mitos-mitos yang diwarisi oleh nenek moyang mereka. Persoalan ini telah diangkat oleh Shahnnon Ahmad di dalam novel *Srengenge* dengan baik yang mana telah mempengaruhi aktiviti sara hidup penduduk kampung di sekitar Bukit Srengenge.

Bagi memastikan matlamat yang direncanakan berjalan dengan lancar berdasarkan plot penceritaan diketengahkan oleh pengarang, prinsip perancangan telah diaplikasikan oleh watak Awang Cik Teh dan Imam Hamad dalam menggerakkan aktiviti keusahawanan bagi penduduk di sekitar Srengenge. Awang Cik Teh merupakan individu yang menjadi penggerak kepada perancangan memugar Bukit Srengenge untuk digantikan dengan tanaman padi huma. Plot permulaan telah menyaksikan pengarang secara terus telah meletakkan perancangan ini di permulaan bab satu apabila menggambarkan gambaran bukit tersebut yang harus ditarah dan diganti dengan kulat, jambak, pisang jari buaya, pisang awak raja, lambu kerambil, timun dendang lonjong, peria, ubi keling dan terung (Srengenge, 2016:1). Perancangan yang dilakukan oleh Awang Cik Teh ini adalah merupakan perancangan yang bakal melibatkan jangka masa yang panjang kerana melebihi jangka masa lima tahun dan sudah pasti juga tanaman padi huma yang diusahakan (jika menjadi) akan berterusan diwarisi oleh legasi-legasi orang muda di sekitar Srengenge. Apabila melibatkan perancangan untuk jangka masa panjang tambahan pula melibatkan pemugaran bukit yang menjadi kemegahan penduduk kampung, ia bukanlah sesuatu kerja buat yang mudah. Banyak perkara yang perlu dipertimbangkan terutamanya dari segi tenaga kerja dan kesepakatan daripada penduduk kampung bagi memastikan hasrat tersebut terlaksana. Ketika memikirkan pemugaran Srengenge, Awang Cik Teh telah pun berfikir dengan sehabis baik tentang kesan dan cabaran-cabaran yang akan dihadapi sebelum dia mengutarakan perancangan tersebut kepada orang yang sepatutnya. Setelah mempertimbangkan dengan sehabis baik, maka Awang Cik Teh mengambil keputusan untuk berbincang bersama Imam Hamad tentang hasratnya itu.

Selain itu, perancangan jangka masa pendek juga dilihat turut membantu kepada perancangan jangka masa panjang yang terdapat di dalam novel *Srengenge*. Perancangan jangka masa pendek ini dilihat telah diaplikasikan oleh Useng ketika beliau ingin melakukan langkah-langkah bagi merawat Imam Hamad yang disyaki terkena sampuk oleh penunggu Srengenge. Rancangan untuk memulihkan Imam Hamad adalah sangat penting kerana Imam Hamad adalah antara individu yang menyokong Awang Cik Teh dalam perancangan memugar Bukit Srengenge (perancangan jangka masa panjang) dapat diteruskan. Dalam rancangan memulihkan Imam Hamad ini, segala tindakan-tindakan yang dirancangan yang ingin diambil adalah melibatkan tugas-tugas biasa sahaja dan juga bersifat sangat rutin. Walaupun perancangan ini hanyalah sebagai pendokong sahaja di dalam plot penceritaan oleh pengarang dan tidaklah penyumbang utama kepada tema dan persoalan yang cuba diketengahkan oleh pengarang, namun perancangan jangka masa pendek masih mampu mempengaruhi jalan penceritaan secara ironinya.

Oleh itu, kedua-dua rancangan ini dilihat saling bergantung diantara satu sama lain sebagaimana plot penceritaan di dalam novel *Srengenge*. Berikut adalah merupakan antara prinsip perancangan yang telah diaplikasikan di dalam novel;

Jadual 4: Penerapan Prinsip Perancangan Di Dalam Novel Srengenge

Jenis Perancangan	Kutipan	Muka Surat
Perancangan Jangka Masa Panjang	<p>“Rimba itu wajib dijadikan huma.”Awang Cik Teh mengulangi lagi kata-katanya.</p> <p>“Sapa nak terbang? Awak?” Kembali Keghsum jadi kerak nasi.</p> <p>Tetapi, Awang Cik Teh sama sekali tidak menghiraukan kerak nasi itu. Dia tahu. Sekejap sahaja cairlah dia.</p> <p>“Aku tak mengata sapa nak terbang, sapa nak tebas, sapa nak bakar, sapa nak tajuk, sapa nak itu sapa nak ini. Aku kata rimba itu mesti dibuat huma.”</p> <p>“Sapa nak buat? Awak dah tua. Aku dah tua. Awak cakap tonggeng buyung.”</p> <p>“Örang-orang kampung.”</p> <p>Änak-anak buah di Kaki Srengenge ini?”</p> <p>“Apakita tak boleh tutuh Srengenge? Buat apa simpan tersegam macam setan begitu bertahun-tahun. Lagipun, habis mengetam padi di baruh, kita buat apa. Menyeranggung dan menyerunggu tak habis-habis.”</p>	Sms4-5
Perancangan Jangka Masa Panjang	<p>“Srengenge digambarkan tersegam hodoh bagai syaitan. Hodoh macam perempuan tua kadang-kadangnya. Macam tenuk gemuk sekali-sekala terpandang.</p> <p>Srengenge wajib ditutuh satu hari. Merbaunya, merantinya, pinang baiknya wajib ditutuh. Rotan sega badaknya, rotan manau telurnya, akar cirit murainya wajib disentak satu hari; baik songsang ataupun tidak songsang. Dan, banir-banir yang sepemeluk dua tiga pemeluk itu wajib ditumbang dan dibakar sampai benar-benar menyembah bumi. Biar kayu-kayan diganti dengan kulat, jambak, pisang, jari buaya, pisang awak raja, labu kerambil, timun dendang lonjong, peria, ubi keling dan terung.</p>	Sms1
Perancangan Jangka Masa Panjang	<p>“Soalnya bukan boleh difikirkan dari segi kecaman orang. Soalnya dia ingin membuat sesuatu yang difikir baik dan bermanfaat. Itu sudah cukup dalam pengertian hidupnya. Dia ingin hidup dalam keadaan demikian.”</p>	Sms7

---

Perancangan Masa Panjang	Jangka	<p>Cadang pak su nak tutuh habis batang-batang merbau pulas itu?”</p> <p>“Cadang pak su begitulah. Tapi bukan pak su dan mak su yang nak tutuh. Kita semua.”</p> <p>Suaranya lembut dan sedikit bernada memohon.</p> <p>“Kemudian nak bakar Srengenge itu?”</p> <p>“Cadangnya begitulah.”</p> <p>“Kemudian nak tajaklah?”</p>	Sms53
Perancangan Masa Pendek	Jangka	<p>Pendek kata, Imam Hamadlah tunjangnya. Dia sendiri boleh pergi jumpa DO kalau Imam Hamad segan. Atau, jumpa wakil rakyat. Malam itu akan tahulah puncanya. Lepas isyak dia akan turun pergi ke rumah Imam Hamad. Dan, akan terus membuka fasal pugar Srengenge. Kiranya setuju, selamat segala-galanya. Kiranya tidak setuju, selamat segala-galanya. Kiranya tidak setuju kerana bimbang tekukur lagi, Awang Cik Teh akan teruskan juga memugar walau luasnya itu cuma sekangkang monyet sekalipun. Tidak bertahan dia melihat Srengenge tersergam menjijik dan mencabarnya.</p>	Sms38
Perancangan Masa Panjang	Jangka	<p>.....Semak-semaknya akan ditebas dirintis. Pokok-pokoknya yang tiga empat pemeluk akan ditebang hingga sembah bumi. Akan dibakar hingga jadi abu. Tanahnya akan ditajak dengan benih-benih padi. Memang semua meminta korban tetapi korban seumpama itu tidak membawa dosa kerana mencari rezeki. Kalau ditebang direbas semata-mata kerana suka menebang dan menebas, barangkali akan memurkakan Srengenge, ini tidak. Kalau kata Useng landak boleh terus dijebak, tekukur masih boleh diracik, puling punai masig boleh terus digetah dan pelanduk masih boleh terus dicing, Srengenge pun boleh dipugar juga.</p>	Sms242
Perancangan Masa Pendek	Jangka	<p>“Berjamu kita malam ini!” Debasa yang melihat gerak-geri Useng, bersuara. Masing-masing menumpukan perhatian pada bomoh yang seorang diri bergelut dengan nasi sepinggan itu. Useng terhenti mengunyah sebentar mendengar kata-kata itu. Semangatnya betul-betul terbang pada kala melupa tadi. Tetapi, kalau diminta berjamu, memang Useng cuba</p>	Sms188

---

---

mengelaknya. Soalnya terlalu banyak; berjangkit dengan berbagai-bagai pantang larang. Berkait lagi dengan penunggu-penunggu lain.

---

Kedua-dua jenis perancangan ini membuktikan bahawa dalam memastikan sesebuah pencapaian terhadap matlamat yang ditetapkan dapat dicapai dengan sehabis upaya, kesepaduan diantara kedua-dua jenis perancangan ini sangat penting. Perancangan pemugaran Srengenge adalah merupakan perancangan yang sangat penting kerana melibatkan kesemua penduduk kampung dan akan memberikan kesan untuk jangka masa panjang terhadap pertumbuhan ekonomi dan sosial penduduk kampung.

Seterusnya adalah novel ketiga iaitu, SMB yang diterbitkan pada tahun 1978 berkisahkan ceritera perjuangan penduduk Terenas yang menodak kejahilan dan mengusir kemunduran dalam kehidupan. Dalam arus pembangunan, penduduk Terenas, sebuah desa kecil di pinggir hutan rimba, tercicir daripada pembangunan sedangkan kawasan kota membangun dengan begitu pesatnya. Bangunan didirikan sehingga menujuh langit biru dan rumah-rumah banglo yang berderetan di atas bukit. Semua ini melambangkan satu ketidakadilan bagi desa Terenas yang berpenghuni golongan fakir yang papa kedana dan terseksa diasak kemiskinan. Harta yang ada cumalah nilai kasih sayang dan kesantunan bagi penghuni kampung kecil ini. Sikap penduduk desa Terenas yang terlalu percaya dengan setiap tindakan wakil rakyatnya menyebabkan mereka kian terpinggir daripada hak yang sepatutnya dimiliki. Menyedari hakikat ketidakadilan ini, desa Terenas yang berpenghuni kecil ini bangun mengorak langkah untuk menuntut hak mereka yang selama ini diremehkan begitu sahaja apabila berjaya disedarkan oleh Fatah yang selama ini banyak menyaksikan ketidakadilan terhadap penduduk desa yang miskin.

Pada mulanya, perjuangan Fatah, seorang bekas penarik beca dan juga pernah menganggotai askar, serta rakan-rakannya yang lain termasuklah Suud dan Suman banyak mendapat tentangan daripada golongan tua di desa Terenas termasuklah Pak Dollah, Pak Husin, Lebai Karim dan ayah Suman sendiri, Salam. Mereka ingin berjalan dari desa Terenas menuju ke Pejabat Pegawai Daerah bagi menyampaikan hasrat mereka yang selama ini sering ditolak, iaitu ingin mendapatkan sebidang tanah simpanan milik Raja di hutan yang selama ini terbiar. Kebangkitan mereka ini seolah-olah kepulan-kepulan angin yang berselerak dan bercempera di setiap sudut desa Terenas selama ini menjadi badai yang perkasa. Perkara ini telah mendapat perhatian daripada Tuan Pegawai Daerah. Sebenarnya, permintaan penduduk desa Terenas selama ini tidak pernah sampai kepada pengetahuan Pegawai Daerah kerana kealpaan wakil rakyatnya. Akhirnya, penduduk desa Terenas berjaya mendapatkan hak mereka selama ini, iaitu sebidang tanah di hujung rimba yang selama ini dinafikan hak mereka.

Watak Fatah adalah merupakan penggerak utama dalam perancangan bagi menuntut tanah dan secara tidak langsung prinsip perancangan sudah mula diterapkan oleh Fatah bagi memastikan tanah tersebut berjaya dituntut kerana sememangnya tanah tersebut adalah merupakan hak penduduk kampung yang telah dinafikan. Oleh kerana kerenah birokrasi yang telah menjadi sebahagian daripada permasalahan yang dialami oleh penduduk kampung, hak mereka telah dinafikan. Perancangan yang dikesan terdapat dalam novel SMB adalah merupakan perancangan jangka masa panjang sebagaimana prinsip perancangan yang terdapat di dalam novel Srengenge. Jadual berikut merupakan kutipan-kutipan daripada novel SMB yang menunjukkan prinsip perancangan telah diterapkan;

Jadual 5: Penerapan Prinsip Perancangan Di Dalam Novel Seluang Menodak Baung

Jenis Perancangan		Kutipan	Muka Surat
Perancangan Masa Panjang	Jangka	Suman masih ingat peristiwa itu. Rancangan itu sebenarnya rancangan rahsia. Tidak banyak diketahui oleh orang-orang sekampung. Memang nakal dan sedikit kurang ajar, tapi kata Fatah dunia sekarang ini kita perlu bersikap nakal dan kurang ajar sedikit baru orang tahu tentang keujudan kita sebagai manusia. ....	SMBms 39
		Memang Fatah yang merancangkannya. Suman rasa amat senonoh rancangan seumpama itu. Orang lain bukan sekadar mengetahui tapi juga merasai dan mengalami keperitan hidup orang orang kampung yang setiap detik makan ubi makan gadung dalam zaman meleset ini.	SMBms39-40
Perancangan Masa Panjang	Jangka	Seuman tidak teragak-agak lagi. Dia akan beritahu bapa dan emaknya. Dia percaya bapa emaknya tidak akan membantah. Berbesa besar kalua mempunyai tanah nama sendiri walau sebesar kain cawat sekalipun. Tak ada lagi rasa bimbang kalua pijak tanah sendiri. Di tepi dapurnya boleh dibuat reban yang agak besar. Ayam-ayam boleh berketuk-ketuk, bertelur tanpa sebarang gangguan. Suman begitu ingin mencangkul dan menggembur tanah sendiri itu. Ingin ditanamnya dengan apa saja yang boleh dimakan. Biar ada serba satu. Durian tiga pokok. Cempedak lima. Petai tiga. Nangka satu. Dan dicelah-celah pokok itu kacang, terung, keledak, peria, ubi keling atau pun boleh disulam dengan jambak lengkuas..... Pagar pun jadi.	SMBms52
Perancangan Masa Panjang	Jangka	'Ini soal tanah.' Fatah memulakan tujuan yang sebenar. 'Soal tanah di hutan seluah lapan puluh ekar kepunyaan raja. Banyak yang minta Suud pun minta, lebai Karim, Pak Dollah, Pak Latip, Pak Hussin dan banyak lagi yang minta. Kita nak tanam pokok. Kemudian kita nak pindah berkampung di situ. Tanah itu tanah bukit, tapi deka carok yang tak pernah putus airnya. Tanahnya subur dan ada pula paya yang boleh kita buat telaga airnya. Tanahnya subur dan ada pula paya yang boleh kita buat telaga	SMBms162

air. Tapi sampai sekarang, kita tak dengar kabar apa pun. Kita dah ulang minta beberapa kali, tapi tanah itu masih tak dapat kita pugar. Macam mana?

Dia tahu Bibi akan berada di sisinya juga dalam perjuangan minta tanah ini. Bibi sendiri boleh diajak ke rimba memugar. Dan bila batang-batang pokok dan tumbang, Sodah dan Mariam pun boleh dibawa bersama. Sekurang-kurangnya boleh pungut sampah dan rumput. Mereka sudah biasa dengan kerja memungut tahi lembu basah dan kering waktu bangsat di kotaraya Pulau Pinang dulu. SMBms163

Perancangan Masa Pendek Jangka ' Nak jumpa terus tuan pegawai daerah. Nak ke luar semua jumpa tuan itu. Nak berarak hari Ahad ini. Kata Farah dan semua merayau seluruh kampung memberitahu supaya hari Ahad ini semua berkumpul,' terang Bibi secara agak panjang lebar sedikit. SMBms228

Perancangan Masa Pendek Jangka ..... Dia akan membawa Rubi, Som, Minah, Kipli dan Baba. Kalau emaknya masih boleh berjalan keluar hari Ahad itu. Tentu pegawai-pegawai di pejabat tanah itu kecut melihat ombak rakyat Terenas yang menimpa. Pasti dengan mudah tanah-tanah itu akan dibedak-bedakkan. SMBms180

Perancangan Masa Pendek Jangka 'Kita berarak Ahad depan.' Kata-kata begitu mengejut tapi jelas meskipun curahan hujan di luar nampak tidak reda-reda. Kemudian menjadi sepi, tak ada sebarang reaksi selain bunyi air mencurah atas bumbung dan angin membedal dinding-dinding pelupuh.... SMBms179

Perancangan Masa Pendek Jangka Kita keluar saja beramai-ramai besok dan terus minta daripada Pegawai Daerah itu. Suman ingin menyatakan Hasratnya sebagai membalas permintaan Fatah, tapi dia masih gusar. Usianya yang terlalu mud aitu kadang-kadang tidak meyakinkan dirinya sendiri... SMBms177

---

Perancangan jangka masa panjang dan perancangan jangka masa pendek memainkan peranan yang dominan bagi memastikan rancangan menuntut tanah di Kampung Terenas berjaya. Selain Fatah, watak Suman juga menonjolkan peranan yang besar bagi menggerakkan perancangan ini kerana Suman juga adalah antara 'orang kuat' yang

menyokong tindakan dan perancangan Fatah. Walaupun Suman anak kampung dan tidak memiliki pendidikan yang tinggi, namun Suman menyedari akan hak yang dimiliki oleh orang kampung. Maka, tidak hairanlah watak Suman yang dibina oleh Shahnnon Ahmad di dalam novel ini mempunyai semangat yang berkobar-kobar walaupun Suman telah ditentang oleh bapanya (Salam) sehinggakan telah dipukul sehingga berbirat di belakang badannya. Namun begitu, sokong yang ditunjukkan oleh ibunya (Piah) membuatkan Suman yakin bahawa perancangan tersebut yang ingin membela hak penduduk kampung akan berhasil. Perancangan bagi menuntut hak tanah ini sememangnya memerlukan perancangan yang rapi kerana ianya bukanlah suatu tindakan yang mudah kerana haruslah mendapatkan kesepakatan dan kebersamaan yang utuh dari majoriti penduduk kampung.

## **Perbincangan**

Shahnnon Ahmad merupakan penerima Anugerah Sastera Negara yang ke-2 pada 9 Oktober 1982, selepas Anugerah Sastera Negara diberikan kepada Kamaludin Muhammad atau nama penanya Keris Mas pada tahun 1981. Anugerah Sastera Negara ini diperkenalkan pada awal tahun 1980-an adalah bertujuan untuk menghargai sumbangan para penulis tanah air dalam menghasilkan karya-karya kreatif mereka. Shahnnon Ahmad telah dilabelkan sebagai “Anak Kreatif Malaysia Merdeka” semasa menerima anugerah tersebut. Antara novel-novel yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad yang sedikit sebanyak menyentuh isu-isu kemiskinan seperti Rentong, Seluang Menodak Baung, Ranjau Sepanjang Jalan, Patriach, Srengenge, Kemelut, Tunggil –tunggul Gerigis, Detik-Detik Diri Di Daerah Daif. Keunggulan ketiga-tiga buah novel pilihan dalam penelitian ini adalah tidak dapat disangkal kerana ketiga-tiga mengangkat tema dan persoalan yang begitu tepat dalam menggambarkan polemik yang membelenggu masyarakat sekitar zaman 70an sehinggalah 90an.

Karya-karya Shanon Ahmad pada awal diterbit ratanya-ratanya mengangkat perihal keterbatasan penduduk-penduduk kampung dalam menempuhi segala kekangan iaitu perihal kekuatan dan kezaliman alam seperti pemusnah di luar kuasa manusia seperti bencana iaitu kemarau, banjir selain ancaman oleh binatang-binatang selain manusia yang telah mengganggu hasil tanaman penduduk kampung yang pada ketika menjadikan sumber pertanian sebagai sumber pendapatan mereka bagi menyara kehidupan. Selain itu, kepercayaan anisme juga antara perihal yang cuba diketengahkan oleh Shahnnon Ahmad yang dilihat membelenggu segala macam ikhtiar penduduk kampung dalam menampung kehidupan dan membina kesejahteraan hidup mereka. Jalan cerita yang sederhana namun sarat dengan segala macam ragam kehidupan telah berjaya menjadikan hasil-hasil karya beliau sangat sarat dengan tema, persoalan, nilai dan pengajaran yang sangat memberikan kesan kepada para pembaca.

Penceritaan tentang kemiskinan rakyat yang membelenggu penduduk kampung adalah intipati utama dalam ketiga-tiga buah novel pilihan dalam kajian ini. Jalan cerita yang bersederhana memperlihatkan suasana kehidupan penduduk kampung disulami keperitan dalam meneruskan kesinambungan kehidupan di desa mahupun di bandar telah menjadi hamparan kepada para pembaca. Namun begitu, jiwa desa adalah paling ketara yang dicuba diketengahkan oleh Shahnnon Ahmad kerana beliau juga berasal dari kampung yang juga pada ketika itu turut mengalami polemik dan kepayahan hidup. Lukisan fikiran beliau digarap dengan penuh cermat agar setiap perincian dalam jalan penceritaan adalah realistik bersesuaian dengan latar masa, tempat dan masyarakat. Segala permasalahan yang

diketengah Shahnnon Ahmad di dalam ketiga-tiga novel ini adalah merupakan permasalahan penduduk yang wajar diketengahkan dan dibantu dengan sewajarnya.

Ketika merangka dan membina tindakan untuk mengatasi segala permasalahan sebagaimana yang diketengahkan oleh pengarang, maka disinilah prinsip perancangan dalam aspek pengurusan mula menapak dan diaplikasikan oleh watak-watak oleh pengarang. Watak-watak yang terlibat tidak hanya tertumpu kepada watak utama semata-mata kerana dalam menggerakkan suatu perancangan tindakan, kerjasama dan kesepakatan daripada watak-watak lain juga diperlukan. Oleh itu, dalam masa yang sama juga watak-watak pembantu atau sampingan juga dilihat turut mengaplikasikan prinsip perancangan. Hal ini jelas terlihat pada watak Lahuma di dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* yang didokong oleh watak Jeha dan anak-anak perempuan mereka dalam memastikan usaha untuk mengusahakan tanah sawah mereka di Kampung Banggul Derdap serta mengawal tanaman dari serangan ketam. Hakikatnya novel RSJ adalah merupakan novel yang sangat menarik kerana memaparkan konflik yang sangat meruntum hati pembaca. Maka tidak hairanlah novel ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa lain seperti Bahasa Inggeris (berjudul *No Harvest A Thorn* oleh Adibah Amin), Spanish, French dan Rusia.

Novel RSJ menjadi medan bagi Shahnnon Ahmad untuk mengengahkan isu kemiskinan yang membelenggu masyarakat kampung pada ketika itu. Watak Jeha dan Lahuma serta keluarganya adalah contoh realiti sebenar penduduk kampung pada masa itu yang bersusah payah untuk menangani segala dugaan dalam mengusahakan tanaman padi seperti serangan oleh berjuta-juta ketam dan penderitaan ini bertambah apabila kaki Lahuma tertusuk duri nibung lalu menyebabkan beliau tidak mampu lagi untuk turun ke sawah. Usaha mengusahakan sawah bendang diteruskan Jeha dan anak-anak perempuan mereka di samping berusaha untuk mengubati kesakitan yang ditanggung oleh Lahuma. Permasalahan masyarakat tani pada ketika itu yang cuba menghadapi ancaman ketam telah cuba diangkat oleh Shahnnon Ahmad bagi menyedarkan masyarakat untuk tidak berputus asa dalam menangani permasalahan walaupun pada ketika itu keterbatasan dengan teknologi dan kewangan. Namun begitu, mereka tetap berusaha menangani dengan semampunya.

Ekonomi penanaman padi adalah merupakan pendapatan utama bagi masyarakat sekitar tahun 70an dan pada ketika itu sumber ekonomi melalui sektor pertanian adalah merupakan sumber yang dominan. Bagi penduduk Kampung Derdap yang terletak di utara semenanjung Malaysia, aktiviti penanam padi adalah sumber utama bagi ekonomi pendudukan kampung. Maka, tidak hairanlah kesungguhan mereka yang digambarkan oleh Shahnnon Ahmad di dalam novel RSJ memastikan tanaman mereka berhasil dan juga mengelakkan keluarga mereka dari kebuluran. Melalui pendapatan yang diperolehi daripada menjual padi, wang itulah akan digunakan bagi perbelanjaan harian sebagaimana yang digambarkan oleh watak Jeha yang boleh mengupah orang membaiki atap mereka, membeli pakaian serta menyara nak-anak mereka yang pada ketika itu terpaksa berhenti daripada meneruskan persekolahan dan membantunya mengusahakan tanah sawah mereka. Pengarang telah berjaya mengangkat tema kemiskinan di dalam novel RSJ dan usaha mereka untuk menangani konflik kemiskinan ini yang telah secara tidak langsung menerapkan aspek pengurusan dalam kehidupan.

Manakala, di dalam novel *Srengenge* pula Shahnnon Ahmad mengengahkan usaha penduduk kampung yang cuba melakukan perubahan dalam kehidupan mereka terutamanya bagi meningkatkan tahap ekonomi dan sosial. Novel ini telah memperlihatkan struktur nilai kepercayaan yang dimiliki oleh masyarakat terhadap perkara-perkara ghaib (animisme). Budaya penduduk kampung begitu jelas digambarkan kepada pembaca di mana segala

aktiviti-aktiviti seperti minat dan kemahuan yang dimiliki oleh penduduk kampung seperti meracik burung dan menepuk pelanduk di hutan melalui watak Siddik. Shahnnon Ahmad telah cuba menonjolkan sebuah institusi masyarakat di desa yang begitu kompleks melalui hamparan cara hidup, kepercayaan, pantang larang (tabbo) dan adat. Taraf penduduk kampung yang masih dibelenggu dengan kemiskinan tetapi dalam masa yang sama masih bersyukur menjalani kehidupan mereka dengan sebaik mungkin telah menjadikan novel mengangkat nilai dan pengajaran yang sangat tinggi. Mereka lebih mengutamakan kebahagiaan, ketenangan dan ketenteraman jiwa walaupun terpaksa berhadapan dengan keperitan hidup. Shahnnon Ahmad telah berjaya mengengahkan persoalan ini dengan baik ke dalam novel Srengenge. Budaya masyarakat kampung pada ketika itu telah mempengaruhi usaha mereka dalam pertingkatkan mutu kehidupan. Persoalan ini telah diangkat oleh Shahnnon Ahmad di dalam novel Srengenge dengan baik yang mana telah mempengaruhi aktiviti sara hidup penduduk kampung di sekitar Bukit Srengenge.

Sebagai seorang penduduk kampung yang tidak betah untuk duduk berdiam sahaja, watak Awang Cik Teh adalah merupakan contoh watak orang kampung yang sentiasa rajin untuk berusaha melakukan sesuatu pekerjaan agar kehidupan sehari-harian terisi dengan pekerjaan yang mendatangkan hasil yang berfaedah. Maka, ilham untuk mengusahakan tanah bukit yang terbiar iaitu Bukit Srengenge terlintas di fikiran Awang Cik Teh dan hasrat teresebut telah diluahkan kepada isterinya iaitu Keghesum dan pada awalnya tidak berapa dipersetujui oleh Keghesum kerana khuatir jika pekerjaan yang dilakukan oleh suaminya itu tidak akan menjadi. Ini bukanlah kali pertama Awang Cik Teh berkobar-kobar untuk melakukan perancangan mengusahakan sesuatu projek kerana sudah beberapa pekerjaan yang dilakukan sebelum ini akhirnya terkubur begitu sahaja. Antaranya adalah penubuhan Syarikat Mati dan syarikat baja yang akhirnya hanya mampu bertahan untuk beberapa bulan sahaja. Tambahan pula, Keghesum tidak betah lagi mendengar tuduhan-tuduhan yang kurang enak dilemparkan kepada suaminya. Keghesum masih lagi ingat ketika bermesyuarat di Madrasah, Siddik telah menuduh suaminya mengambil baja untuk digunakan pada tanaman rambutan mereka. Tambah Siddik lagi, suaminya itu bukanlah orang jati Srengenge dan merupakan anak bangsat atau lebih tepatnya digelar oleh Siddik adalah Anak Bangsat Rantau Laban.

Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan itu juga masih segar dalam ingatan Awang Cik Teh. Namun kata-kata tomohan itu langsung tidak mematahkan semangat Awang Cik Teh untuk terus berusaha mengusahakan sesuatu bagi kebaikan bersama seluruh penduduk Srengenge. Apa yang ditanam dalam hati Awang Cik Teh adalah niat ikhlas untuk melakukan kebaikan sahaja dalam kehidupannya sebagaimana ketika bermonolog di dalam hati tatkala mengingati tomohan-tomohan berat orang disekeliling seperti berikut;

“Soalnya bukan boleh difikirkan dari segi kecaman orang. Soalnya dia ingin membuat sesuatu yang difikir baik dan bermanfaat. Itu sudah cukup dalam pengertian hidupnya. Dia ingin hidup dalam keadaan demikian.”

(Srengenge, 2016: 7)

Walaupun isterinya sendiri telah menentang hasratnya kali ini untuk memugar Srengenge, namun dia yakin kekerasan hati isterinya itu hanyalah diibaratkan seperti kerak nasi sahaja. Awang Cik Teh percaya jauh dalam sudut hati isterinya itu, isterinya sendiri yang akan turut sama-sama membanting tulang untuk memugar Srengenge. Tiada siapa pun mampu mematahkan semangat yang dimiliki Awang Cik Teh dalam mengusahakan sesuatu

pekerjaan dan tekad yang ditanam Awang Cik Teh adalah bukannya cakap kosong sahaja kerana apa yang dituturkan tetap akan dikotakan. Begitulah sikap tidak putus asa yang tergambar melalui watak dan perwatakan Awang Cik Teh sebermulaanya plot permulaan yang cuba ditonjolkan oleh Shahnnon Ahmad yang mana telah menerapkan prinsip perancangan di dalam pengurusan.

Walaupun perancangan untuk menghumakan Srengenge (perancangan jangka masa panjang) telah terganggu kerana orang penting (Imam Hamad) yang berperanan mendapatkan persetujuan penduduk kampung telah jatuh sakit, Awang Cik Teh tetap masih menyematkan keinginan untuk meneruskan perancangan. Namun begitu, usaha dan perancangan (perancangan jangka masa pendek) untuk mengubati Imam Hamad haruslah diberikan keutamaan terlebih dahulu. Awang Cik Teh tidak mahu dilabelkan sebagai seorang yang tamak haloba tanpa memikirkan kebajikan orang lain. Oleh itu, Awang Cik Teh telah bersama-sama untuk turut serta berkumpul di rumah Imam Hamad bagi membantu apa yang sepatutnya. Walaupun telah diasak beberapa kali oleh Diah tentang hajat yang terbuku di dalam hatinya, Awang Cik Teh masih lagi cuba menyimpan dan menafikan perancangan yang telah mendapatkan persetujuan daripada Imam Hamad dan Hajah Munah. Perhatikan keadaan Imam Hamad yang masih belum pulih, Awang Cik Teh tidak sampai hati untuk melangkaui peranan Imam Hamad tambahan pula ketika keadaan Imam Hamad yang sakit. Perancangan yang ingin dilakukan oleh Awang Cik Teh juga telah terhenti disitu sahaja mengikut penceritaan pengarang. Sehingga ke saat akhir, sifat yang dimiliki oleh Awang Cik Teh yang sentiasa optimis terhadap perancangan, bersemangat, berani mengambil risiko dan sentiasa bangkit dari kegagalan.

Novel ketiga dalam kajian ini adalah novel SMB yang ditulis pada tahun 1978 adalah merupakan salah satu novel yang mengangkat tema kemiskinan masyarakat luar bandar pada zaman 70an. Pada ketika kerajaan sedaya upaya merangka dan melaksanakan Dasar Ekonomi baru bagi membangunkan negara, terdapat beberapa konflik yang masih membelenggu masyarakat desa pada ketika itu. Mengambil inspirasi masyarakat desa teruatamnya di kampung kelahiran beliau, maka Shahnnon Ahmad menjadikan pemerhatian beliau terhadap konflik masyarakat pada ketika itu sebagai idea untuk beliau menghasilkan karya yang mampu menyedarkan masyarakat dan membangkitkan kesungguhan mereka untuk membela nasib mereka sendiri. Watak Fatah dan Sumana adalah dua sosok watak yang ditonjolkan oleh Shahnnon Ahmad sebagai watak yang ingin membela nasib dan memperbaiki kehidupan diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Kepercayaan penduduk Terenas terhadap wakil rakyat sebenarnya telah disalah gunakan oleh wakil rakyat mereka kerana nasib penduduk kampung tidaklah dibela dengan sewajarnya. Hal ini menyebabkan kehidupan penduduk kampung semakin terpinggir dengan kemajuan dan mereka telah dinafikan hak mereka sendiri. Menurut Mohd Yusof Hassan (1986: 294), unsur simbolik di dalam novel ini, memperlihatkan badai rakyat dengan segala kuasanya menentang pihak *establishment* seperti anak-anak seluang yang walaupun kecil tetapi telah bersatu hendak menodak baung yang gagah dan jauh lebih besar dari segi saiznya.

Usaha untuk menuntut tanah untuk dijadikan hak oleh penduduk kampung dengan tidak hanya menumpang semata-mata adalah sangat berani sebagaimana yang telah dirancang oleh Fatah. Ketika perancangan ini dilakukan, prinsip perancangan telah dikesan diaplikasikan oleh watak Fatah di dalam plot penceritaan. Pada awalnya perancangan Fatah ini telah mendapat tentangan oleh segelintir penduduk kampung seperti watak Pak Dollah, Pak Husin, Lebai Karim dan ayah Suman kerana mereka telah selesa menjalani kehidupan sebegitu yang hanya menumpang di tanah orang. Namun, ada juga segelintir penduduk

kampung seperti Suman menyokong perancangan Fatah kerana mereka merasakan bahawa tindakan ini adalah amat penting bagi masa depan mereka kelak. Rancangan untuk berarak ke Pejabat Pegawai Daerah adalah dirasakan tidak melampaui batas oleh Fatah dan Suman kerana mereka hanyalah ingin berarak secara damai tanpa melakukan protes yang membahayakan dan berkemungkinan boleh menyebabkan mereka ditangkap. Perancangan ini adalah merupakan perancangan jangka masa panjang kerana dapat melibatkan masa yang agak panjang kerana mereka belum pasti adakah usaha tersebut akan membuahkan hasil ataupun tidak. Perancangan jangka masa panjang memainkan peranan yang sangat dominan dalam plot penceritaan novel SMB dengan disokong oleh perancangan jangka masa pendek.

Penduduk kampung pada zaman 70an kebanyakannya mengusahakan tanah orang dan juga menumpang membina rumah di tanah orang. Hal ini membuatkan kehidupan mereka masih bergantung kepada tuan tanah dan sumber pendapatan juga adalah masih terhad. Mereka tidak mampu untuk mengusahakan tanaman dengan lebih banyak kerana terikat dengan tuan tanah dan aktiviti bercucuk tanam dan membela binatang peliharaan adalah di atas tanah sekitar rumah mereka menjadi terkawal. Keterbatasan ini menyebabkan tindakan mereka terkawal dan terbatas yang akhirnya menyebabkan sumber pendapat mereka juga adalah terhad. Kemiskinan yang dialami oleh Shahnnon Ahmad ketika kecil juga turut digambarkan melalui novel SMB kerana begitulah juga dilema yang dihadapi oleh penduduk kampung beliau pada ketika itu. Segala pahit kehidupan sejak kecil yang dialami oleh Shahnnon Ahmad dengan berlatarbelakangkan ekonomi dari hasil padi sawah digambarkan dengan sebaik mungkin oleh beliau kepada pembaca yang banyak mengangkat nilai dan pengajaran yang mampu memberikan kesedaran kepada ahli masyarakat pada ketika itu sehinggalah masa kini. Bagi pembaca yang menghargai nilai-nilai kehidupan desa sudah pasti akan dapat merasakan bahawa segala penulisan Shahnnon Ahmad adalah mampu mendidik jiwa dan membina keyakinan diri dalam mensyukuri dan menghargai kehidupan.

## **Kesimpulan**

Pengurusan adalah disiplin yang menjadi asas bagi seseorang individu, keluarga, kelompok masyarakat, bangsa dan negara dalam menjalani kehidupan, mencapai matlamat, melaksanakan segala agenda yang direncanakan. Bagi membangunkan sesebuah masyarakat keluar dari kemelut kemiskinan sebagaimana yang menjadi tema ketiga-tiga buah novel pilihan dalam kajian ini, pengurusan yang sewajarnya perlulah dilaksanakan dan diaplikasikan dengan sebaiknya bagi memastikan segala matlamat tercapai. Prinsip perancangan adalah merupakan langkah pertama bagi seseorang individu, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara merangka pelan tindakan, aktiviti dan strategi mereka yang tersendiri bersesuaian dengan kehendak dan matlamat bagi menghadapi isu-isu dan permasalahan. Kemiskinan adalah kemelut kehidupan yang membelenggu kehidupan sebagaimana yang diketengahkan oleh Shahnnon Ahmad sejak dari dahulu dan ini juga masih berlarutan sehingga masa sekarang walaupun negara Malaysia telah mencapai tahap pembangunan yang membanggakan. Walaupun struktur sosial masyarakat telah berubah, tahap ekonomi juga telah semakin berkembang dan sistem arus modenisasi semasa juga telah pesat membangun namun isu kemiskinan masih juga hangat diperkatakan.

Pengarang hebat seperti Shahnnon Ahmad merupakan permata bagi dunia Kesusasteraan Melayu tanah air kerana karya-karya hasil buah minda dan fikiran beliau tidaklah hanya memberikan keseronokan kepada pembaca tetapi memberi nilai pengajaran yang sangat bermakna dalam kehidupan. Matlamat dan tujuan penulisan ialah untuk

menyedarkan dan mendidik khalayak melalui wadah sastera yang unik tentang pelbagai masalah sosial dan aspek kehidupan. Terpulang kepada masyarakat untuk menerimanya atau menolaknya (Shahnon Ahmad, 11 November 2000, dlm. Talib Samat, 2010, 251). Keberanian beliau mengenegahkan isu-isu kemiskinan yang membelenggu masyarakat pada ketika itu adalah merupakan tindakan yang sangat berani. Beliau juga mempercayai bahawa seseorang pengarang itu seharusnya mempunyai sifat revolusi agar setiap karya yang dihasilkan mampu memberi nilai tambah bagi membangunkan negara. Karya-karya beliau juga dilihat memaparkan warna-warna kehidupan masyarakat terutamanya masyarakat di desa yang pada masa yang sama menyedarkan kepada pihak-pihak tertentu dalam merangkan tindakan yang sepatutnya dalam menyelesaikan kemelut kemiskinan di tanah air. Karya-karya Shahnon Ahmad juga dilihat sebagai medium perantara bagi melauhkn isi hati yang membelenggu masyarakat desa pada ketika itu.

## RUJUKAN

- Azzat Mohd Nasurdin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad. (2006). Pengantar Pengurusan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Anwar Ridhwan. (2021). Shahnon Ahmad: Dari Naratif Daerah Ke Wadah dan Wajah Kebijaksanaan: Shahnon Ahmad: Dicapai dari Jurnal PENDETA, 12(1), 13–21. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.fa.2.2021> pada 2 Spetember 2023.
- Certo, S.C. (1997). Modern Management. 7 th ed. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Daft, R.L. (1997). Management. 4 th Ed. Orlando: The Dryden Press.
- Harry Avelling. *Shahnon Ahmad: Malay Author*. Monash University, Australia. Dicapai dari [https://web.archive.org/web/20180518103937id\\_/http://www.myjournal.my/filebank/published\\_article/22904/039\\_057.PDF](https://web.archive.org/web/20180518103937id_/http://www.myjournal.my/filebank/published_article/22904/039_057.PDF) pada 2 September 2023.
- Shahnon Ahmad 1978. Seluang Menodak Baung. Petaling Jaya: HEINEMANN Books (Asia) Limited.
- Shahnon Ahmad. 2016. Srengenge. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. 1971. Ranjau Sepanjang Jalan. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad.
- Shahnon Ahmad. 1991. Sastera sebagai seismograf kehidupan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sukatan Pelajaran STPM Baharu 922 Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Dicapai pada 8 November 2018 <http://portal.mpm.edu.my/web/guest/sukatan-pelajaranstpm-modular>.
- Talib Samat. (2010). Naratologi Shahnon Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan. (2017). Prinsip Perancangan Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. Dlm Journal of Business and Social Development, Volume 5 Number 1, March 2017: 123-139.
- Mohamad Zubir Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Hassan. (2015). Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan. Dlm Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 26, 2015, hlm 95-116.
- Mohd Yusof Hasan 1995. Koleksi terpilih Shahnon Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robbins, Stephen P. & Coutler, Mary. (2005). Management. 8th Ed. New Jersey: Pearson Education, Inc.